

► **info sekolah**

**Universiti Malaysia
Pahang (UMP)**

Pada 24 Februari 1998, Menteri Pendidikan ketika itu Datuk Seri Najib Tun Razak telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang sebagai asas bagi penubuhan Universiti Malaysia Pahang. Dengan persetujuan tersebut, satu kertas memorandum Jemaah Menteri telah disediakan dan telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri Pada 25 Ogos 1999. Dalam pembentangan Bajet Rancangan Malaysia Ke-8, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penubuhan empat buah universiti baru di Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang. Universiti Teknologi

Malaysia Kampus Cawangan Pahang telah dikenal pasti untuk menerajui penubuhan universiti di Pahang. Selaras dengan ini, satu kertas memorandum Jemaah Menteri telah disediakan dan telah mendapat kelulusan bagi penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia

(KUKTEM) pada 26 Jun 2001. Tujuan KUKTEM ditubuhkan adalah untuk menambah bilangan tempat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Teknologi.